



Headline	Laluan getir menanti UniKL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	63	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	194 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	RM 1,687
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,060



# Laluan getir menanti UniKL

NOR AZIRAN YUNUS

PASUKAN Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bakal berdepan laluan getir hujung minggu ini apabila bakal berdepan dua pasukan teratas Liga Perdana pada saingan Liga Hoki Malaysia Tenaga Nasional Berhad (TNBMHL) 2013 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil.

Pada Jumaat ini, UniKL dijadual bertemu juara Piala Sumbangsih 2013, TNB dan pada Ahad pula, mereka akan berdepan dengan pasukan Maybank yang tampil garang pada awal musim ini apabila menewaskan Terengganu Hockey Team (Terengganu HT) 2-1 dalam perlawanan pertama minggu lalu.

Jika UniKL berjaya membawa pulang dua mata daripada dua perlawanan itu kelak, ia sudah boleh dianggap sebagai keputusan yang sangat positif buat pasukan yang dibimbing jurulatih,

Arul Selvaraj (**gambar**) itu.

Selepas mengharungi dua perlawanan setakat ini, UniKL mengumpul tiga mata selepas kalah sekali kepada pasukan 'gergasi' Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) 0-5 serta menang 2-1 ke atas Nur Insafi Warriors di Ipoh.

"Saya akui, kami akan menghadapi dua perlawanan sukar minggu ini. Bagaimanapun, kami akan berusaha untuk memberikan persembahan terbaik dalam setiap perlawanan.

"Jika kami berjaya 'mencuri' satu mata daripada setiap perlawanan itu, saya anggap ia sebagai satu kejayaan.

"Saya begitu realistik kerana TNB dan Maybank berada satu tahap di atas kami dengan TNB dibarisi ramai pemain kebangsaan manakala Maybank pula diperkuat dengan kehadiran tonggak

import mereka seperti Sha-keel Abbasi dan Shafqat Rasool," kata Arul.

Dalam pada itu, Arul optimis pemain-pemain UniKL mampu memberikan saingan sengit ke atas lawan mereka itu nanti, dan mereka tidak akan mudah menyerah kalah.

"Pemain-pemain saya perlu mempunyai kepercayaan terhadap keupayaan sendiri.

"Saya memiliki sekumpulan pemain yang memiliki kemahiran dan berbakat, namun mereka tiada keyakinan diri untuk beraksi dalam perlawanan besar," jelas Arul.

Jelas penolong jurulatih kebangsaan itu lagi, beliau kini berusaha untuk mengubah persepsi dalam diri pemain-pemain muda yang kebanyakannya kini lemah dari aspek mental yang sering menghantui kebanyakan pasukan, tidak kira sama ada kelab atau pasukan kebangsaan.

Kata Arul, beliau berharap pemain-pemainnya membuang perasaan takut apabila turun

ke padang dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap permainan.

Beliau juga berharap agar ketua pasukan, Baljit Singh mampu memainkan peranannya dengan memberi inspirasi kepada pemain-pemain muda.

"Saya tidak menyalahkan mereka (pemain) dengan keputusan yang dicapai sebelum ini.

"Namun, saya yakin mereka telah mendapat satu pelajaran setiap kali bertemu pasukan hebat.

"Saya yakin mereka akan bermain baik menentang TNB dan Maybank nanti," kata Arul lagi.

